

25 FEB 2001

DR MAHATHIR KECEWA HOTEL NAIK SEWA BILIK SEMASA ACARA ANTARABANGSA

JOHOR BAHRU, 25 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan rasa kesalnya terhadap hotel-hotel yang menaikkan kadar sewa bilik semasa temasya sukan seperti Perlumbaan Grand Prix Formula One di Sepang dan berkata perbuatan itu boleh menjejaskan kehadiran pelawat.

Perdana Menteri berkata, satu bentuk levi boleh dipertimbangkan terhadap hotel-hotel yang mengaut keuntungan tetapi tidak menyumbangkan apa-apa kepada acara-acara ini.

"Yang dapat nikmat keuntungan secara langsung ialah hotel tapi kita dapati mereka naikkan sewa bilik tetapi tak ada sumbangan sama sekali. Mungkin kita perlu kenakan bentuk tertentu levi pada mereka," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menyaksikan Formula One Bot Laju Malaysia di sini, hari ini.

Beliau berkata, bagi Grand Prix Malaysia di Sepang tidak lama lagi, hotel-hotel telah penuh ditempah tetapi kadar sewa bilik mahal.

Lebih ramai orang mahu melawat Malaysia kerana publisiti meluas kepada negara melalui siaran langsung acara-acara seperti Grand Prix Malaysia di Sepang dan juga lumba kereta Tour de Langkawi.

Perlumbaan bot laju hari ini, yang merupakan pusingan permulaan siri dunia juga menarik perhatian 500 juta orang di seluruh dunia. Ia disiarkan ke 58 negara.

Banyak daripada hotel di sini juga penuh kerana cara itu.

-- BERNAMA

TCL PR